

22/06/1999

PM tidak jadi menteri selepas bersara (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata beliau tidak akan menjadi seorang menteri kanan selepas bersara kelak.

"Kita tidak ada (jawatan) menteri kanan di sini. Bila saya bersara, saya akan bersara sebagai seorang tua. Saya akan menghabiskan masa beribadat kerana zaman saya sudah berlalu.

"Saya perlu bersedia untuk hari akhirat," katanya dalam sidang akhbar pada hari pertamanya di pejabat baru beliau di sini.

Dr Mahathir yang secara rasmi memulakan tugasnya di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang serba moden itu pagi ini, berkata demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan asing sama ada beliau berhasrat menjadi menteri kanan selepas bersara.

Ketika ini, Singapura mempunyai jawatan seperti itu yang disandang Lee Kuan Yew sejak melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 1990.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut mengulangi penjelasannya berhubung kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau merancang untuk bersara pada 1998 bagi memberi masa mencukupi kepada penggantinya mengambil alih dan bersiap sedia menghadapi pilihan raya.

Di samping itu, katanya, tahun itu juga penting kerana Malaysia menjadi tuan rumah beberapa acara besar termasuk Sukan Komanwel.

Bagaimanapun, dalam penjelasannya sebelum ini Dr Mahathir berkata beliau memutuskan untuk terus memegang jawatan itu berikutan masalah politik dan ekonomi yang dihadapi negara.

Dr Mahathir berkata, apabila bersara beliau juga akan tinggal di rumahnya sendiri di The Mines Resort dekat sini.

"Saya akan tinggal di rumah saya sendiri, (rumah) milik saya, dibina oleh saya dengan wang sendiri yang saya perolehi secara sah, tiada rasuah atau apa-apa. Rumah saya menelan belanja hampir RM1 juta.

"Anda (wartawan) boleh datang dan tengok, ambil gambar. Ia kelihatan cantik, saya rasa, tetapi tidak begitu mahal," katanya secara terus terang.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya, Dr Mahathir berkata beliau akan memulakan lawatan ke seluruh negara secepat mungkin.

"Saya akan pergi sekurang-kurangnya dua negeri dalam seminggu apabila saya tidak sibuk," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ahli parti itu sekarang bersemangat untuk melihat Umno menang dalam pilihan raya akan datang dan meneruskan kerja untuk membangun negara.

"Saya tidak mahu bercakap mengenai sesuatu yang bodoh seperti reformasi, masyarakat bertamadun tetapi kita sudah benar-benar bertamadun dan kita juga sudah melakukan reformasi," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai senarai nama penerima projek penswastaan kerajaan dan agihan saham khas Bumiputera yang dipamerkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejak hari kedua perhimpunan agung Umno Sabtu lalu.

Dr Mahathir menjelaskan tindakan itu bertujuan menunjukkan bahawa semua rakyat menikmati agihan saham berkenaan.

"Sebenarnya, kebanyakan saham itu diberi kepada koperasi dan koperasi dimiliki ramai rakyat. Tujuan kita mengeluarkan senarai itu ialah untuk menunjukkan bahawa semua rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada agihan

saham dan peluang kerja.

"Kita tidak hadkan kepada kroni kita, anak kita dan sebagainya. Semua dapat, termasuk pemberita Malaysia. Walaupun begitu, kita dapati ada orang tertentu yang dapat lebih daripada biasa.

"Umpamanya, keluarga satu orang itu, dia dapat macam-macam pada hal dia bukan ada pengetahuan mengenai perniagaan. Dulu tak ada apa langsung, bahkan bankrap tetapi tiba-tiba jadi orang kaya.

"Jadi orang yang macam itu, kita percaya dapat banyak nikmat, keuntungan daripada agihan saham umpamanya," katanya.

Perdana Menteri berkata, senarai itu kebanyakannya diperolehi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) terutama membabitkan pemilikan saham khas Bumiputera, selain yang dikeluarkan Kementerian Kewangan.

(END)